



## KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

### KENYATAAN MEDIA MEDIA RELEASE

**28 MAC 2016**

---

#### **MESYUARAT JAWATANKUASA KABINET MENGENAI CARA-CARA BAGI MENINGKATKAN PENDAPATAN PEKEBUN KECIL KOMODITI INDUSTRI**

---

**Kuala Lumpur** – Mesyuarat kali ini merupakan mesyuarat ke-19 sejak mula dilaksanakan pada tahun 1999. Mesyuarat terakhir iaitu yang ke-18 telah diadakan pada 15 Disember 2014.

Dalam mesyuarat pada kali ini, terdapat 4 Kertas yang akan dibentangkan dalam Mesyuarat iaitu:

- (i) Kertas 1: Cadangan Pemberian Insentif dan Bantuan kepada Pekebun Kecil dan Penoreh Getah oleh Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC)
- (ii) Kertas 2: Cadangan Kaedah Meningkatkan Pendapatan Pekebun Kecil oleh Pihak Berkuasa Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA)
- (iii) Kertas 3: Cara-cara Bagi Meningkatkan Pendapatan Pekebun Kecil Komoditi Industri oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)
- (iv) Kertas 4: Program Penambahan Pendapatan Pekebun Kecil Sawit Persendirian melalui Insentif Integrasi Tanaman Sawit dan Ternakan Sawit oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)

Isu dan cabaran utama semasa sektor komoditi ialah ketidakstabilan harga komoditi di mana harga purata tahunan SMR 20 menurun RM13.48/kg pada tahun 2011 berbanding kepada RM5.21/kg pada tahun 2015. Harga getah terus menurun di mana harga purata bulanan SMR 20 pada bulan Januari 2016 adalah RM4.66/kg berbanding RM4.85/kg pada Oktober 2014.

Pendapatan purata pekebun kecil getah sepanjang 5 tahun dari 2011 sehingga 2015 adalah menurun iaitu daripada RM1,398.00 sebulan per hektar kepada RM488.75

sebulan per hektar pada tahun 2015. Penurunan ini adalah sebanyak RM909.25 yang bersamaan 65%.

Kerajaan telah memberikan Bantuan Khas Kejatuhan Harga Getah (BKKH) 2.0 pada tahun 2014 dan melaksanakan Mekanisme Kawal Selia Harga Getah dan Insentif Pengeluaran Getah (IPG) oleh MPIC mulai tahun 2015. Selain itu, aktiviti-aktiviti ekonomi sampingan seperti keusahawanan, ternakan dan tanaman kebun dapur atau *edible garden* juga dipergiatkan supaya pekebun kecil tidak bergantung kepada tanaman komoditi sebagai sumber pendapatan semata-mata.

Memandangkan para peserta ini adalah daripada kumpulan berpendapatan 40 peratus terendah (B40) projek pembangunan komoditi sawit dan getah diberikan secara pinjaman. Ini adalah munasabah kerana projek-projek yang dibangunkan adalah di bawah program Kerajaan untuk meningkatkan pendapatan kumpulan B40 ini. Cadangan perubahan ini secara langsung akan meningkatkan kadar agihan dividen yang boleh dibayar kepada peserta yang kini amat tertekan dengan kejatuhan harga komoditi dan kos hidup yang semakin meningkat.

Jawatankuasa ini berperanan;

- i. Menimbang langkah-langkah segera yang boleh dilaksanakan bagi meningkatkan pendapatan pekebun-pekebun kecil getah, kelapa sawit dan tanaman industri lain serta melaporkannya semula kepada Jemaah Menteri;
- ii. Membincang dan membuat syor langkah-langkah bagi memajukan sektor pekebun kecil getah, kelapa sawit dan tanaman industri lain melalui peningkatan produktiviti dan pendapatan *per holding* pekebun kecil;
- iii. Membincang dan membuat syor langkah-langkah jangka panjang bagi menentukan sektor pekebun kecil dapat terus menyumbang kepada pembangunan sektor pertanian seperti getah, kelapa sawit dan tanaman industri lain; dan
- iv. Membincang dan membuat rumusan mengenai kepentingan pekebun kecil getah, kelapa sawit dan tanaman industri lain dan kepentingan masa depan komoditi-komoditi ini.

---

**Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah**

**Tel: 03-8891 5940, Faks: 03-8888 2367  
Emel: [ukk@rurallink.gov.my](mailto:ukk@rurallink.gov.my)**